



MOHD. JOHARI (empat dari kanan) bergambar bersama beberapa petani yang menerima bantuan banjir di Pendang semalam.



BEBERAPA pesawah menunjukkan padi yang rosak akibat banjir di Kampung Perupok, Pendang baru-baru ini.

Kerajaan salur RM94 juta bantu petani terjejas banjir

PENDANG – Kerajaan menyalurkan sebanyak RM94 juta bagi membantu kira-kira 90,000 petani di dalam dan luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang kerugian akibat banjir sejak tahun 2005.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Johari Baharum berkata, kira-kira RM56 juta turut diperuntukkan untuk membaik pulih infrastruktur di kawasan tanaman padi yang terjejas.

Katanya, bantuan itu menjadi bukti keprihatinan kerajaan Pusat terhadap masalah petani di negeri ini dan Perlis.

“Kerajaan cuba meringankan beban petani ketika dilanda musibah tersebut. Sumbangan adalah hasil banciaan MADA melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dalam mengenal pasti keluasan kerosakan.

“Kadar bantuan dibahagi kepada dua kategori iaitu bantuan kerugian tanaman padi masak yang belum dapat dituai sebanyak RM1,800 setiap hektar serta bantuan tanaman padi sedang membesar sebanyak RM876 sehektar,” katanya selepas majlis penyampaian bantuan banjir di sini semalam.

Sebanyak 764 petani yang bernaung di

bawah Wilayah 3 Pendang menerima agihan wang ihsan berjumlah RM142 juta apabila kawasan tanaman padi seluas 788 hektar terjejas dalam kejadian banjir pada September tahun lepas.

Menurut Mohd. Johari, banjir di Pendang adalah yang terakhir apabila 764 petani dari lima buah PPK MADA menerima bantuan wang ihsan tersebut.

“Memandangkan kawasan padi terlibat di peringkat sedia untuk dituai, kerajaan telah bersetuju memberikan bantuan wang ihsan RM1,800 setiap hektar kepada mangsa,” katanya.